

TRAIT PERSONALITI DI KALANGAN PELAJAR IJAZAH SARJANA MUDA TEKNOLOGI SERTA PENDIDIKAN (KEMAHIRAN HIDUP)

Faizah Bte Abd Ghani & Mohd Kamil Bin Mat Deris
Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia

ABSTRAK: Kajian ini mengkaji trait personaliti di kalangan pelajar kemahiran hidup Fakulti Pendidikan UTM. Sebanyak 99 responden telah dipilih menggunakan persampelan purposif atau bertujuan. Terdapat dua jenis soal selidik yang digunakan dalam kajian ini. Soal selidik pada bahagian A adalah tentang latar belakang responden. Soal selidik pada bahagian B pula adalah berpusat kepada trait personaliti berdasarkan teori Holland yang mempunyai nilai *Cronbach alpha* 0.85 hingga 0.97 (Amla, 1992). Analisis deskriptif menunjukkan trait personaliti yang diperolehi oleh responden ini adalah *sosial, artistik dan konvensional*(SAC) untuk item kesukaan manakala *sosial, enterprising dan realistik*(SER) untuk item kecekapan. Dapatan kajian juga menunjukkan majoriti responden mempunyai trait personaliti SER dan trait ini berpadanan dengan kod tiga huruf Holland. Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan 61.6% responden mempunyai tahap padanan yang baik dari segi darjah kongruen personaliti yang berdasarkan kepada Indeks kongruen Iachan. Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan terdapat keselarasan antara trait personaliti dengan kerjaya perguruan yang dipilih.

ABSTRACT: This study examined the personality trait among student engineering from the Education Faculty of UTM. A total 99 respondents were selected using purposive sampling method. There is two types of questionnaires. Questionnaire for A part is for the student background while questionnaire for B part is centered to personality trait refer to Theory of Holland where the cronbach alpha is 0.85 to 0.97 (Amla, 1992). The descriptive analysis show that the personality trait of the respondent is *social, artistic and konvensional*(SAC) for the like item while *sosial, enterprising dan realistik*(SER) for the skill item. The result of this study shows majority of respondent have the SER personality trait that is matching to the Holland Alpha Three Code. Beside, the result also shows 61.6% of respondents have good condition for the degrees of personality congruen refer to Iachan Congruen Indeks. Totally, results of this study shows that there are the matching between personality trait with teacher's profession that have been choose.

Katakunci: Teori Holland, *Cronbach alpha*, *sosial, artistik dan konvensional*(SAC), *sosial, enterprising dan realistik*(SER)

PENGENALAN

Pendidik merupakan golongan manusia yang memberi impak besar kepada masyarakat dan negara. Bersesuaian dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan, golongan pendidik mengambil peranan kedua selepas ibubapa dalam membentuk sahsiah dan perwatakan pelajar (Khairina Yasin, 2001). Malah tidak dapat disangkalkan lagi, guru mempunyai pengaruh terhadap perkembangan personaliti, mental dan fizikal setiap manusia (Noran dan Ahmad Mahdzan, 1992).

Pernyataan Masalah

Cabaran pendidikan kini mengalami gelombang perubahan yang semakin ketara dengan wujudnya kurikulum dan mata pelajaran yang baru diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan seperti mata pelajaran Kemahiran Asas Industri yang akan dimulakan pada tahun hadapan (Musa Mohammad, 2000). Sekali imbas tampak seperti tugas mudah namun para pendidik harus menyedari bahawa pengajaran hari

ini memerlukan mereka melangkaui pelbagai kemahiran dan kepakaran dalam mengajar sesuatu mata pelajaran tersebut disamping mereka mempunyai personaliti yang sesuai dengan kerjaya guru.

Oleh itu, kewujudan guru-guru yang mempunyai kemahiran teknikal adalah amat diperlukan. Selain itu guru-guru ini juga hendaklah mempunyai personaliti yang bagus untuk mengelakkan pandangan negatif masyarakat.

Personaliti yang baik adalah sangat penting dalam profesionalisme perguruan. Seorang guru perlu mempunyai personaliti yang cemerlang dan terbilang. Ini kerana banyaknya kes-kes polis yang melibatkan guru-guru di Malaysia ini antaranya adalah berpunca dari guru yang tidak mempunyai personaliti dan sahsiah yang baik. Kes-kes seperti pencabulan, rogol, mendenda sehingga menyebabkan luka dan guru ponteng adalah satu perkara yang tidak patut berlaku kepada guru itu sendiri.

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti keselarasan profil personaliti terhadap profesionalisme perguruan yang diutarakan oleh teori Holland serta mengetahui personaliti yang lebih baik untuk menjadi guru dikalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (kemahiran hidup) di Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah :

- 1 Mengenalpasti trait personaliti pelajar-pelajar SPH tahun 4.
- 2 Mengenalpasti ciri-ciri trait personaliti yang dominan dengan pelajar-pelajar SPH di Fakulti Pendidikan UTM Skudai?
- 3 Mengenalpasti keselarasan trait personaliti pelajar dengan bidang perguruan yang diceburi..

Kepentingan Kajian

Kajian ini penting untuk mengetahui trait personaliti pelajar-pelajar SPH. Pelajar-pelajar SPH juga dikenali sebagai bakal guru yang akan mengajar subjek teknikal dan kemahiran di sekolah-sekolah di seluruh Malaysia apabila mereka menghabiskan tempoh pengajian mereka di UTM. Oleh itu, pelajar-pelajar tersebut haruslah mengkaji dan menilai trait personaliti mereka untuk menuju kearah bidang perguruan. Mereka dapat menggunakan kajian ini untuk tujuan meneliti dan memahami personaliti itu sendiri.

Kajian ini juga penting kepada semua guru-guru di Malaysia untuk mereka mengetahui jenis personaliti masing-masing. Guru-guru tersebut dapat mengetahui adakah terdapat kesesuaian terhadap bidang perguruan dan seterusnya mengubah trait personaliti mereka kepada yang sepadan.

Kajian yang dijalankan ini juga dapat membantu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) terutamanya Bahagian Latihan dan Basiswa merangka latihan dan program untuk meningkatkan profesionalisme guru-guru kemahiran hidup. Ini penting bagi memastikan personaliti guru-guru tersebut mestilah cenderung kepada bidang perguruan dan mempunyai kemahiran-kemahiran yang sesuai.

Penyelidikan ini juga akan membantu Bahagian Pendidikan Guru (BPG) untuk memilih bakal-bakal guru yang mempunyai personaliti yang bersesuaian dalam bidang perguruan.

Skop dan Batasan Kajian

Kajian yang dijalankan hanya meliputi pelajar-pelajar Ijazah Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) yang selepas ini dikenali sebagai SPH, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor Bahru. Responden yang terlibat adalah Pelajar tahun 4 sahaja.

METODOLOGI

Populasi dan sampel kajian

Populasi kajian adalah terdiri dari semua pelajar tahun empat SPH di Fakulti Pendidikan, bagi sesi 2008/2009/1. Pelajar-pelajar ini terdiri dari pelbagai latar belakang yang berbeza dari segi jantina, tahap pendidikan tertinggi, umur dan tempat membesar. Jumlah populasi didapati dari penolong pendaftar Fakulti pendidikan iaitu En.Asram iaitu seramai 132 pelajar pada sesi tersebut. Penyelidik merujuk kepada jadual penentuan saiz sampel yang dikemukakan oleh Krejcie & Morgan (dalam Azizi, Shahrin, Jamaludin, Yusof dan Abdul Rahim, 2007) yang mempunyai 95% aras keyakinan bagi mendapatkan jumlah sampel minimum.

Ary(1985) menyatakan terdapat dua kriteria bagi menentukan sesuatu sampel yang baik iaitu perwakilan dan kecukupan. Perwakilan bermakna sampel yang dipilih mestilah mewakili populasi kajian. Berdasarkan jadual tersebut seramai 99 orang pelajar telah dipilih untuk dijadikan sebagai sampel kajian.

Instrumen kajian

Menurut Mohd. Najib (2003), instrumen ialah alat untuk mengutip data. Dalam kajian ini, penyelidik akan menjalankan kajian dengan menggunakan borang soal selidik. Instrumen ini digunakan kerana soal selidik merupakan kaedah mengumpul data yang paling tepat kerana sampel lebih rela memberikan maklum balas yang benar di samping mengurangkan kesilapan yang diakibatkan oleh catatan penyelidik yang salah (Burns, 2000). Soal selidik juga digunakan kerana ianya lebih praktikal dan berkesan digunakan untuk populasi yang besar (Majid, 1990). Soalan-soalan yang dikemukakan adalah berdasarkan objektif-objektif yang ingin dicapai. Ia terbahagi kepada dua bahagian iaitu A dan B. Bahagian A akan menyelidik tentang latar belakang responden manakala bahagian B adalah satu set alat ukuran self directed search (SDS)- Form Easy.

Bahagian A : Maklumat peribadi responden

Bahagian A soal selidik mengandungi soalan-soalan untuk mendapatkan maklumat latar belakang responden. Maklumat tersebut ialah seperti jantina, umur, tahap pendidikan tertinggi dan tempat membesar.

Bahagian B : self directed search (SDS)- Form Easy (Versi terjemahan Amla)

Bahagian B soal selidik pula merupakan alat ukuran self directed search (SDS)- Form Easy yang telah dibina oleh Amla (1984). Alat ukuran ini digunakan bagi mengenalpasti jenis personaliti responden. Kecenderungan diukur terhadap beberapa jenis personaliti iaitu Realistik, Investigatif, Artistik, sosial, Enterprising dan Conventional berdasarkan kepada dua bahagian utama iaitu bahagian kesukaan dan kecekapan.

Kajian Rintis

Bagi kesahan dan kebolehpercayaan pada Bahagian B adalah alat ukuran SDS-Form Easy yang digunakan dalam kajian ini merupakan versi terjemahan Amla dengan menggunakan kaedah *back translation*. Amla (1992) telah mengumpulkan data dari populasi pelajar-pelajar baru Universiti Kebangsaan Malaysia sesi 1987/1988 seramai 2,231 orang dengan menggunakan kaedah *Counterbalance* bagi mendapatkan kesahan ujian SDS yang telah diterjemahkan. Nilai kebolehpercayaannya adalah tinggi iaitu berada dalam julat 0.85 hingga 0.97 (Amla, 1992)

PERBINCANGAN

Hasil Dapatan Taburan Maklumat Peribadi Responden

Daripada analisis yang telah dibuat, sebanyak 41.4% responden adalah terdiri daripada pelajar lelaki dan 58.6% adalah terdiri daripada pelajar perempuan yang terlibat dalam kajian ini berdasarkan taburan responden mengikut jantina. Dapatan analisis menunjukkan pelajar perempuan melebihi pelajar lelaki sebagai responden kajian ini.

Daripada analisis taburan responden berdasarkan bangsa yang telah dibuat, kebanyakan responden terdiri daripada bangsa melayu iaitu sebanyak 83.8%, 7.1% masing-masing responden berbangsa Cina dan lain-lain bangsa adalah 9.1%. lain-lain bangsa kebanyakan terdiri dari suku kaum pribumi sabah dan sarawak, manakala bangsa India tidak mewakili responden dalam kajian ini.

Analisis bagi taburan responden mengikut umur pula menunjukkan sebanyak 74.7% responden berada pada tahap umur 20 tahun hingga 25 tahun, manakala 25.3% terdiri daripada responden yang berumur 26 tahun hingga 30 tahun.

Analisis taburan tahap pencapaian akademik pula menunjukkan kebanyakan responden memiliki Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia iaitu 64.6%. Seterusnya 29.3% adalah lepasan Diploma dan selebihnya adalah dari lepasan matrikulasi iaitu sebanyak 6.1% sebelum memilih kursus Ijazah Sarjana Muda di Universiti Teknologi Malaysia.

Hasil Dapatan Profil Personaliti Responden Dengan Kod Tiga Huruf Penyelidik Berbanding Kod Tiga Huruf Holland

Berdasarkan penganalisan data, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat dua dimensi kod tiga huruf yang berlainan. Skor min bagi dimensi kesukaan menunjukkan kod tiga huruf yang diperolehi adalah Sosial, Artistik, *Conventional*, *Enterprising* (SAC), bagi dimensi kecekapan adalah Sosial, *Enterprising*, *Realistik* (SER). Walaupun kod tiga huruf bagi dimensi kesukaan yang diperolehi oleh penyelidik adalah berlainan antara dimensi kod tiga huruf Holland, namun tahap darjah kongruen bagi dimensi itu masih dikategorikan sebagai hampir padan manakala bagi dimensi kecekapan kod tiga huruf penyelidik adalah sama dengan kod tiga huruf Holland, maka tahap darjah kongruen bagi dimensi itu adalah padanan baik atau amat padan.

Kod tiga huruf secara keseluruhan bagi profil personaliti pelajar Kemahiran Hidup Fakulti Pendidikan iaitu Sosial (S), *Enterprising* (E) dan Realistik (R), SER juga adalah padanan baik dengan kod tiga huruf Holland iaitu Sosial (S), *Enterprising* (E) dan Realistik (R), SER.

Dapatan ini memberikan gambaran bahawa pelajar kemahiran hidup Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia mempunyai ciri-ciri seperti suka bertindak menggunakan kemahiran berhubung

dengan manusia dan interaksi sosial, bertanggungjawab, suka menjadi ketua dan berminat dalam aktiviti pendidikan yang amat diperlukan dalam profesion perguruan.

Dapatan kajian ini bertepatan dengan kajian Hamidi (1996) yang telah menjalankan kajian ke atas 202 pelajar kursus Diploma Perguruan, Universiti Teknologi Malaysia menunjukkan bahawa motif utama yang mempengaruhi pelajar memilih kerjaya perguruan ialah faktor Idealistik iaitu keinginan untuk memberikan sumbangan kepada masyarakat.

Kajian ini bertekalan dengan dapatan kajian Abd Walid Abd Hamid (2003) yang mendapati minat kerjaya terhadap kerja Sosial dan Realistik mempunyai skor yang tertinggi. Ini menunjukkan profil personaliti bagi keseluruhan responden kajian adalah bersesuaian dengan pemilihan kerjaya sebagai guru.

Hasil Analisis Taburan Tahap Padanan Profil Personaliti Responden Dengan Bidang Kursus Yang Diikuti

Dapatan kajian yang diperolehi adalah lebih tertumpu kepada kod tiga huruf setiap individu dalam kajian yang dijalankan. Kod tiga huruf setiap responden kajian dikaji oleh penyelidik dengan membandingkan kod tiga huruf yang diperolehi untuk setiap responden dengan kod tiga huruf Holland iaitu Sosial, *Enterprising*, Realistik (SER). Langkah ini diambil untuk melihat berapa ramai responden yang betul-betul sesuai dengan profesion perguruan sebagai kerjaya masa hadapan mereka.

Dapatan kajian menunjukkan Sosial (S) dan *Enterprising* (E) adalah kod yang mempunyai padanan baik dengan kod tiga huruf Holland. Seramai 8 orang iaitu 8.1% responden yang memperolehi kod SER bagi profil personaliti mereka untuk memilih profesion perguruan. Kesesuaian profil personaliti dengan pemilihan profesion perguruan bagi responden ini diikuti dengan kod SEC (6.1%), SEA sebanyak 4% dan SRE sebanyak 3%. Jumlah keseluruhan bagi responden yang memiliki padanan baik antara profil personaliti dan pemilihan profesion perguruan adalah 21 orang iaitu bersamaan dengan 21.2%.

Bagi kod tiga huruf yang hampir padan dengan kod tiga huruf Holland ialah SCE, SAE, SRI, SAC, SRC, SRA, SCR, SCA, SIC, SAR, ESR dan SCI. Kesemua kod tiga huruf yang menunjukkan profil personaliti yang hampir padan dengan profesion perguruan adalah Sosial dan satu daripadanya ialah *enterprising*(E).

Sosial memberikan maksud bahawa mereka yang suka bertindak menggunakan kemahiran berhubung dengan manusia dan interaksi sosial, bertanggungjawab, suka menjadi ketua dan berminat dalam aktiviti pendidikan manakala *Enterprising* bermaksud Mempunyai kemahiran dalam penjualan, agresif dalam percakapan, penyesuaian diri, suka sosial dan mengambil berat tentang kekuasaan (dominan), kemahiran menggunakan perkataan, status dan kepimpinan yang '*masculine*', suka menjadi ketua serta menganggap dirinya sebagai gagah. Jumlah keseluruhan responden yang memiliki personaliti yang hampir padan dengan profesion perguruan adalah yang terbanyak iaitu 40 orang bersamaan 40.4%.

Personaliti yang hampir tidak padan dan padanan lemah dengan profesion perguruan mungkin kerana mereka memilih profesion perguruan hanya semata-mata ganjaran yang diberikan dan bukan kerana minat dalaman memilih untuk menjadi seorang guru. Jumlah untuk kumpulan hampir tidak padan adalah 21 orang iaitu sebanyak 21.2% Manakala seramai 17 orang mewakili 17.2% responden memiliki profil personaliti yang mempunyai padanan lemah dengan profesion perguruan.

Jumlah keseluruhan kumpulan ini adalah 38 orang iaitu 38.4%. walaupun angka ini lebih kecil dari angka untuk padanan baik dan hampir padan, namun nilai 1/3 dari keseluruhan bakal guru ini akan memberi sesuatu impak kepada sistem pendidikan di sekolah nanti kerana ketidaksesuaian antara personaliti bakal guru itu dengan personaliti yang sepatutnya mengikut kehendak sepertimana jadual kod tiga huruf Holland.

Daripada keseluruhan dapatan kajian bagi analisis taburan tahap padanan profil personaliti responden dengan bidang kursus yang diikuti, didapati 61.6% responden kajian mempunyai padanan baik dan hampir padan dengan guru kemahiran mengikut *The Occupations Finder* (Holland, 1989) Manakala, 38.4% responden kajian mempunyai padanan lemah dan hampir tidak padan dengan guru kemahiran. Kajian ini bertentangan dengan kajian yang telah dijalankan oleh Suzarina(2008) yang menunjukkan 35% pelajar diploma pendidikan kemahiran hidup adalah berpadanan baik manakala 65% mempunyai padanan lemah.

Holland (1973) menyatakan keselarasan antara ciri personal dengan ciri pekerjaan menjadi satu perkara penting kerana kedua-duanya berkait dengan aspek motivasi, kepuasan, kestabilan dan produktiviti dalam pekerjaan. Menurut kajian yang telah dijalankan oleh Betz, Borgen dan Harmon (2006) menunjukkan bahawa personaliti memainkan peranan yang penting dalam memberikan kepuasan dan keyakinan kerja dan hubungan antara keyakinan dan personaliti akan menyebabkan sesebuah bidang pekerjaan akan mempunyai pertambahan ahli yang meminati sesuatu bidang pekerjaan.

RUMUSAN

Kajian ini dijalankan untuk mengetahui profil personaliti dalam profesion perguruan di kalangan pelajar kemahiran hidup Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia serta keselarasan antara profil personaliti dengan pemilihan profesion perguruan adakah ia signifikan atau tidak.

Hasil dapatan kajian juga menunjukkan keseluruhan responden mempunyai profil personaliti padanan baik dengan pemilihan kerjaya mereka berdasarkan kod tiga huruf Holland. kod yang diperolehi oleh penyelidik bagi dapatan kajian ini adalah Sosial, *Enterprising*, Realistik (SER) dan kod tiga huruf Holland pula Sosial, *Enterprising*, Realistik (SER) iaitu padanan baik dengan profesion perguruan sebagai Guru kemahiran.

Kajian ini dominan kepada dimensi Sosial iaitu suka bertindak menggunakan kemahiran berhubung dengan manusia dan interaksi sosial, bertanggungjawab, suka menjadi ketua dan berminat dalam aktiviti pendidikan yang sesuai dengan arena perguruan. Selain Sosial, *enterprising* juga mendominasi jenis personaliti bagi pelajar kemahiran hidup Fakulti Pendidikan di UTM. Ciri-ciri seperti Agresif, cergas, cita-cita tinggi, suka berbahas, optimistik, petah bertutur adalah ciri-ciri yang sesuai dengan kerjaya perguruan, seterusnya adalah realistik yang meliputi kerja-kerja yang melibatkan kemahiran seperti kemahiran membaiki paip, pendawaian elektrik dan mekanik.

Hasil dapatan kajian bagi padanan profil personaliti bagi setiap individu mendapati 61.6% responden mempunyai padanan baik dan hampir padan sebagai seorang Guru kemahiran berdasarkan *The Occupations Finder* (Holland, 1989). Dapatan kajian ini berpadanan dengan dapatan kajian secara keseluruhan responden bagi hasil dapatan profil personaliti responden dengan kod tiga huruf penyelidik berbanding kod tiga huruf holland iaitu secara keseluruhannya responden memiliki profil personaliti yang hampir padan untuk menjadi Guru Teknikal dan kemahiran.

RUJUKAN

- Abd. Halim B. Mad Noh (2002). *Persepsi Pelajar Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kejuruteraan Awam) Terhadap Kerjaya Perguruan Teknikal*. UTM: Tesis Sarjana Muda.
- Abd. Rahim Abd. Rashid (2002). *Education And Nation Formation In Malaysia : A Structural Analysis*. Kuala Lumpur : University Of Malaya Press.
- Abdul Walid bin Abdul Hamid (2003). *Hubungan Minat Kerjaya Dan Dimensi Personaliti Di Kalangan Pelajar-Pelajar Di Institut Kemahiran Mara (IKM)*. UTM: Tesis Sarjana Muda.
- Ahmad Tal At Mohd Zahari (1994). *Persepsi Guru Terhadap Perlaksanaan Amali Di Sekolah Menengah Vokasional Negeri Johor*. UTM: Tesis Sarjana Muda.
- Allport, G.W. Attitudes, dalam G.Muchinson (Ed.) (1961). *Handbook of Social Psychology*. Worcester, Ma.: Clark University Press.
- Suzarina Suhod (2008). *Kesesuaian personaliti dengan bidang kursus yang diikuti dan hubungannya dengan faktor pemilihan kerjaya perguruan di kalangan pelajar diploma pendidikan kemahiran hidup*, UTM Skudai Johor.
- Atan Long (1992). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Azizi Yahaya, Noraizah Damiri dan Shahrifudin Ismail (2005). *Ciri-ciri Personaliti dalam Pemilihan Kerjaya Pelajar, Gaya Pembelajaran Pelajar dan Hubunagannya Dengan Pencapaian Akademik*. Universiti Teknologi Malaysia dan Universiti Teknologi Mara.
- Bretz, R.D. and Judge, T.A. (1994). *Person-Organization Fit and The Theory of Work Adjustment : Implications for Satisfaction, Tenure and Career Success*. Journal of Vocational Behavior.
- Dictionary Of Education. (1973). New York: McGraw-Hill.
- Hamidi Jaafar (1997). *Persepsi Pelajar-Pelajar Diploma Pendidikan Fakulti Pendidikan UTM Terhadap Perguruan Sebagai Satu Profesion – Satu Tinjauan*. UTM: Tesis Sarjana Muda
- Holland, J. L. (1973). *Making Vocational Choices: A Theory of Careers*. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice Hall.
- Holland, J. L. (1989). *The Occupational Finder*. Florida: Psychological Assessment Resources, Inc.
- Hussein Hj. Ahmad (1993). *Arah Aliran Pelaksanaan Dasar Pendidikan dalam Reformasi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Iachan, R. (1984). *A Measurement of Agreement for Use with the Holland Classification System*. Journal of Vocational Behavior. 24. 133-141.
- Kamus Dewan (1994). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.